

NO. SOALAN : 213

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]**

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan aduan bahawa Kad Diskaun Siswa 1Malaysia tidak diterima di beberapa kedai, walaupun tahun luput adalah 2016 dan adakah kad ini masih boleh digunakan. Sekiranya tidak, adakah Kementerian masih mengeluarkan kad tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) diwujudkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dengan objektif untuk **membantu meringankan perbelanjaan para pelajar** di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta seluruh negara. KADS1M akan memberi manfaat kepada **lebih kurang 1.5 juta orang pelajar IPT seluruh negara**. Penyertaan rakan dagang (merchant) KADS1M adalah secara CSR atau "*Corporate Social Responsibility*" dan Kerajaan tidak menanggung sebarang kos di dalam inisiatif ini.

Sepanjang pelaksanaannya, Kementerian telah menerima aduan, maklumbalas serta pertanyaan dari pelbagai saluran termasuk menerusi sistem e-aduan, emel dan panggilan telefon. Mengikut rekod terdapat **8 aduan** yang telah diadukan menerusi sistem e-aduan **mengenai kad tidak boleh digunakan dan kekeliruan terhadap jumlah diskaun** yang ditawarkan kepada pelajar. Bagi perkara berkenaan, **Kementerian melaksanakan pertemuan (*engagement*) bersama rakan dagang terlibat dari masa ke semasa**. Terdapat juga maklumbalas lain yang diterima dari lain-lain saluran seperti permohonan KADS1M gantian serta kesilapan cetakan maklumat pada kad berkenaan dan ianya dirujuk terus kepada Bank Rakyat. Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, pelajar diminta untuk menyemak senarai syarikat, kadar diskaun serta terma dan syarat diskaun di portal KADS1M. Pada tahun ini,

Kementerian akan melaksanakan **naziran** serta "*engagement*" dengan rakan-rakan dagang yang telah berdaftar di dalam inisiatif ini.

Selain itu, pemegang KADS1M juga layak menerima diskaun di premis-premis rakan dagang yang menyertai inisiatif *1Malaysia Discount Card* (1MDC) yang pada masa ini berjumlah 2,311 syarikat. KPDNKK juga akan **menambah lebih banyak rakan dagang** dari masa ke semasa serta menggalakkan para pelajar dan ibu bapa untuk mengemukakan cadangan kepada Kementerian.

Maklumat lanjut boleh diperolehi di portal KADS1M di alamat *www.1pengguna.com* dan bagi sebarang aduan atau pertanyaan, pemegang KADS1M bolehlah menyalurkannya terus kepada Kementerian menerusi talian yang telah disediakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHUTIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

SOALAN : 214

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dengan terperinci dalam Ringgit Malaysia jumlah kutipan Jabatan Pengangkutan Jalan bagi penjualan nombor plat kenderaan khas yang mencecah ratusan ribu dari tahun 2008 sehingga kini mengikut pecahan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Maklumat nombor pendaftaran khas seperti jadual di bawah menunjukkan jumlah jualan nombor pendaftaran khas mengikut tahun dan tidak ditetapkan mengikut negeri.

BIL	TAHUN	NOMBOR PENDAFTARAN	JUMLAH (RM)	CATATAN
1	2008	-	-	Tiada nombor pendaftaran diperuntukkan
2	2009	SAS	500,000.00	-
3	2010	G1M	738,990.00	-
4	2011-2012	-	-	Tiada nombor pendaftaran diperuntukkan
5	2013	1M4U	Percuma	Kementerian Pengangkutan memberikan kelulusan dan bersetuju agar pembayaran siri nombor pendaftaran sebanyak RM 1 juta dikecualikan kepada 1Malaysia For Youth memandangkan badan tersebut adalah badan bukan kerajaan dan menjalankan aktiviti tidak berasaskan keuntungan.
6	2014 – kini	-	-	Tiada nombor pendaftaran diperuntukkan